



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
ANGKASA (MAPA) KE – 37**

24 JUN 2023 (SABTU)
9.00 PAGI
AUDITORIUM, WISMA UNGKU A.AZIZ,
KELANA JAYA
(TEMA: THE WAY FORWARD)

Bismillahirrahmannirrahin
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Malaysia
Madani, Salam Perpaduan dan Salam
Koperasi,

(PROTOKOL SAPAAN)



1. Syukur kehadiran ALLAH S.W.T atas izin dan limpah kurniaNya, kita semua masih diberikan kesihatan dan kemampuan, baik dari segi masa mahupun tenaga bagi meneruskan tanggungjawab sebagai ahli ANGKASA yang komited, melalui kehadiran semua dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) ke 37 secara dalam talian pada pagi yang berbahagia ini.
2. Saya bersama seluruh kepimpinan ANGKASA menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kesemua para perwakilan kerana dapat menghadiri diri pada MAPA ke 37 ini. Alhamdulillah, MAPA merupakan ruang bagi kita semua mengeratkan ukhwah sesama kita semua, bertukar-tukar pandangan dan yang paling utama merencana agenda pembangunan gerakan koperasi negara.



3. Para perwakilan, kini sinar baru telah bermula untuk tahun-tahun mendatang apabila wujudnya kerajaan perpaduan yang memastikan kestabilan politik dan ekonomi. Gerakan koperasi menyokong ke arah mewujudkan persekitaran politik dan ekonomi kondusif untuk koperasi menjalankan perniagaan.
4. Oleh itu, saya mewakili Gerakan koperasi negara yang dianggotai oleh lebih tujuh (7) juta anggota diseluruh negara, berikrar untuk menyokong YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan kabinnet yang telah dilantik dalam pembangunan ekonomi negara dan menyokong *government of the day*.
5. Terima kasih juga kepada YB Datuk Ewon Benedick Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang sentiasa memberikan perhatian kepada pembangunan gerakan koperasi. Begitu juga, terima kasih kepada YB Senator



Saraswathy Kandasami atas usaha membangunkan koperasi.

6. Kami percaya, sokongan ini akan memberikan impak positif kepada perolehan koperasi negara apabila pada tahun 2021, perolehan koperasi hanyalah **RM37.9 bilion** dan ianya meningkat kepada **RM45.5 bilion** pada tahun 2022. Angka ini dijangkakan akan terus meningkat kepada **RM50 bilion** pada tahun ini.

7. Namun usaha membangun dan meningkatkan jalinan serta rangkaian perniagaan koperasi, semestinya memerlukan modal sebagai rangsangan. Terdapat ketidakseimbangan peruntukan dana dan insentif yang diberikan untuk koperasi dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

8. Sebagai contoh pada pembentangan Bajet 2023, **kerajaan menyediakan**



kemudahan pinjaman dan Jaminan Pembiayaan manfaat usahawan Perusahaan Kecil, Mikro dan Sederhana (PMKS) dengan nilai keseluruhan sehingga RM40 Bilion tetapi untuk sektor koperasi menerusi ANGKASA, hanya RM6 juta diberikan tahun lalu (2022), tetapi tahun ini (2023) hanya RM1 juta diberikan untuk pembangunan aktiviti ekonomi koperasi melalui Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb).

9. Kerajaan juga bersetuju cukai PMKS ke atas pendapatan bercukai bagi 150,000 pertama dikurangkan daripada 17 kepada 15 peratus manakala kadar cukai maksimum pendapatan koperasi pula sebanyak 25 peratus.
10. Sebagai badan puncak yang mewakili dan menyuarakan kepentingan serta hak gerakan koperasi ANGKASA memohon



kepada pihak kerajaan untuk meneliti perkara – perkara ini terutamanya dalam dana pembangunan koperasi supaya pertumbuhan koperasi dapat diperkasakan lagi dan membawa gerakan ini ke dimensi baharu dalam meningkatkan kemakmuran ekonomi yang komprehensif dan inklusif.

**Para Perwakilan yang saya hormati
sekalian**

Pengukuhan Struktur Dalam Dan Luar

11. Bagi memastikan ANGKASA dapat menyumbang kepada pengukuhan sektor koperasi, ANGKASA menjalankan penstrukturan organisasi secara besar – besaran dan akan diimplementasikan sepenuhnya selesai mandat MAPA.
12. ANGKASA juga memperkasa lagi peranan **Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA di setiap negeri untuk menjalankan projek baharu melalui kerjasama dengan**



kementerian, agensi dan mana – mana syarikat swasta yang mempunyai kepakaran dalam industri masing – masing.

13. Usaha ini selari dengan **Pelan Strategik ANGKASA 2050**, yang menggariskan pelan tindakan bagi mengukuhkan ANGKASA dan gerakan koperasi secara keseluruhan.
14. Fasa pertama iaitu Pelan Jangka Pendek 2017-2020 dengan tema Pembangunan Rangka Kerja Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Strategi dan Memperkasakan Misi ANGKASA sebagai APEKS Gerakan Koperasi telah pun tercapai.
15. Pada masa ini ANGKASA berada dalam fasa **Pelan Jangka Sederhana 2021 - 2030**, di mana kita menyasarkan untuk menjadikan koperasi sebagai pilihan utama perniagaan yang inklusif



16. Usaha ini selaras dengan **Tonggak Dasar Membangunkan Malaysia Madani** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan, yang mana semua ini ada dalam Prinsip dan Jati Diri yang sekian lama menjadi pegangan koperasi.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Eksplorasi / Prestasi ANGKASA dan Anak Syarikat

17. Gerakan koperasi perlu bergerak untuk menjadi pemain dalam industri utama negara supaya apa yang disumbangkan oleh gerakan ini dapat lebih dirasai oleh rakyat dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk menubuhkan seterusnya menjalankan aktiviti keusahawanan secara bersama di bawah payung koperasi.



18. Akan tetapi wujud juga isu di mana bila sudah tubuh koperasi, tetapi tidak tahu hendak berniaga apa. Maka terjadilah koperasi dorman, koperasi tidak aktif dan pelbagai lagi. Mengikut perangkaan SKM, 1,659 koperasi tidak aktif dan 4,401 koperasi berstatus dorman. Oleh sebab itu ANGKASA aktif dalam menggerakkan proses eksplorasi dan inkubasi melalui Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi ANGKASA.

19. Alhamdulillah, walaupun ketika waktu sukar Covid19 pada tahun 2021 ANGKASA masih mencatatkan perolehan sebanyak RM113,847,063 juta dan meningkat kepada RM142,256,465 juta pada tahun 2022. Dijangkakan perolehan ini akan meningkat lagi pada tahun ini.

20. Dalam menjalankan proses eksplorasi ANGKASA wujudkan MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. yang menjadi induk kepada lima



(5) anak syarikat lainnya. Manakala dua anak syarikat di bawah ANGKASA iaitu **ANGKASA Research and Certification Sdn Bhd** atau **ARC** dan **ANGKASA KOMARDI Dairy Sdn Bhd**.

21. Pada kesempatan ini saya ingin menarik perhatian kepada satu perbahasan di Parlimen baru – baru ini di mana dikatakan 5 buah anak syarikat ANGKASA dalam keadaan rugi. Ingin saya tegaskan, kenyataan ini adalah tidak benar sama sekali. Untuk makluman semua **hanya dua sahaja** masih dalam keadaan rugi manakala ada 6 buah lagi, menurut penyata kewangan beraudit 2022 mencatat keuntungan. 2 anak syarikat lagi yang masih belum mencatat keuntungan adalah **ANGKASA KOMARDI Dairy** yang baru ditubuhkan dan menjalankan aktiviti R&D untuk lembu tenusu Heifers Park. Manakala untuk **MyANGKASA Bina Sdn Bhd**, kita yakin akan mencatat keuntungan bermula tahun ini.



22. Malah jika kita lihat pendapatan anak syarikat ini secara kumpulan iaitu MyANGKASA Holding, ianya berada dalam keadaan positif. Pada tahun **2021**, **sebanyak RM2.7 juta** dicatatkan manakala tahun **2022**, **meningkat kepada RM6.1 juta**.
23. Prestasi terbaik ditunjukkan oleh MyANGKASA Amanah Berhad yang amat membanggakan dan meningkat dari tahun ke tahun. Setakat **Disember 2022**, **MAAB** telah mendaftarkan hampir **250,000** kes wasiat dengan nilai anggaran aset sebanyak **125 billion**, jumlah pusaka yang diuruskan pula adalah sebanyak **728 fail**, manakala bagi akaun amanah yang mana **MAAB** bertindak sebagai **pemegang amanah** adalah bernilai **sebanyak RM250 juta**. MAAB juga buka peluang koperasi turut serta sebagai Rakan Niaga Koperasi dalam usaha mempelbagaikan perniagaan koperasi sedia ada.



24. Oleh itu saya berharap sokongan penuh warga koperasi dalam hal ini. ANGKASA bukan berniaga suka – suka untuk mencari keuntungan semata - mata. Semua ini dibuat dengan objektif utama meningkatkan nilai rantai serta ekosistem landskap perniagaan koperasi.

**Para Perwakilan yang saya hormati
sekalian**

**Perkembangan digitalisasi ANGKASA dan
gerakan koperasi**

25. Perkembangan digitalisasi diambil perhatian serius oleh ANGKASA kerana kita tidak mahu koperasi ketinggalan dalam arus dunia digital yang bergerak dengan amat pantas. Teknologi digital menyumbang kepada 22.6 peratus kepada KDNK pada 2022 dan dijangka meningkat kepada 25.5 peratus pada 2025. Tindakan proaktif diambil oleh



ANGKASA dengan merangka **Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKoP) 2030.**

26. DigiKoP dibangunkan dengan objektif yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan teknologi maklumat yang terancang dengan matlamat membudaya dan memanfaatkan digitalisasi dalam pembangunan ekonomi koperasi.
27. ANGKASA berharap melalui DigiKOP produk dan perkhidmatan baharu berasaskan digitalisasi dapat dibangunkan oleh koperasi. **ANGKASA menyasarkan 100 peratus koperasi bersaiz besar dan sederhana manakala 50 peratus koperasi bersaiz kecil dan mikro mengaplikasikan teknologi dalam pengurusan dan perniagaan menjelang 2025.**



28. Di peringkat ANGKASA pendigitalan merupakan pengamalan yang telah lama dipraktikkan melalui pelbagai inisiatif seperti **Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA), pembangunan portal MyAzzahra, Sistem Pengundian Atas Talian, Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA) dan pembangunan MylscO Mcash Wallet.** Untuk MylscO, kini sebanyak 2,000 pelanggan telah menggunakan aplikasi cashless ini dengan nilai transaksi sebanyak sekitar RM6,000 setiap bulan dengan peningkatan sebanyak hamper 300 peratus sejak dimulakan pada tahun lepas. Malah ANGKASA juga telah cuba membida untuk mewujudkan Bank Digital Koperasi dengan memohon lesen dari Bank Negara menerusi MyANGKASA Digital.

29. ANGKASA juga giat menggunakan kemudahan dalam talian yang tersedia dengan membangunkan **media sosial rasmi seperti laman web rasmi, Facebook,**



Youtube, Twitter dan TikTok bagi menyebarkan maklumat pembangunan koperasi untuk disampaikan dengan segera kepada pemegang taruh dan juga warga koperasi.

30. Saya yakin semua di sini ada peranti bimbit. Jika ada saya jemput untuk muat turun aplikasi **ePELANCAR**. Jika anda guna peranti *android* muat turun melalui *Playstore* dan jika menggunakan peranti *Apple* muat turun di *Appstore*. Semua maklumat terkini termasuk PELANCAR Keluaran Khas MAPA dan aktiviti dijalankan oleh ANGKASA boleh diakses di peranti anda sahaja di mana juga.
31. **Projek Barang Asas 100 (BA100)** pula satu lagi inisiatif pendigitalan koperasi khususnya dalam aktiviti peruncitan menggunakan sistem dalam talian dengan menghubungkan pengguna, koperasi dan pembekal.



32. Saya juga ingin tarik perhatian semua mengenai Projek BA100 ini. Ianya juga adalah salah satu usaha untuk **wujudkan satu ekosistem pembekalan**, di mana koperasi yang ada produk, boleh jadi pembekal, koperasi yang ada kemudahan logistik, boleh jadi rakan logistik, yang ada gudang juga boleh dijadikan sebagai Distribution Center (DC). Ini adalah inisiatif yang perlu kita jadikan kenyataan kerana jika kita berjaya **wujudkan ekosistem pembekalan yang dipelopori oleh koperasi**, tidak mustahil kita semua mampu memberi saingan dengan perusahaan gergasi di luar sana.

33. Sasaran ANGKASA melalui BA100 untuk memberi perkhidmatan kepada tiga (3) juta pelanggan melalui **3,000 outlet** dengan setiap pelanggan disasarkan untuk berbelanja sebanyak **RM200 setiap bulan**. Ini bermakna, jumlah perbelanjaan di kesemua outlet adalah sebanyak **RM7.2 bilion setahun**



**Para Perwakilan yang saya hormati
sekalian**

**Pembangunan Produk Koperasi yang
berdaya maju**

34. Dalam memastikan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi mencapai piawaian yang diperlukan bagi mendapat tempat dalam pasaran, ANGKASA melalui Seksyen Pembangunan dan Pemasaran Produk Koperasi komited menjalankan beberapa inisiatif termasuklah **Projek Khas Pembangunan 100 Champion, Pengumpulan & Penilaian Produk Koperasi dan Penempatan Produk Koperasi Dalam dan Luar Negara.**
35. Jika dahulu produk koperasi kita hanya boleh lihat dijual di kedai koperasi namun hasil usaha berterusan ANGKASA produk koperasi telah mula dijual di pasaraya



terkemuka antaranya di BHP Petromart (14 SKU), Jaya Grocer (3 SKU) , Super Seven (3 SKU), Giant (2 SKU), AEON (3 SKU), ISETAN (5 SKU), SOGO (3 SKU), Lulu Group Retail (3 SKU) dan Go Shop (5 SKU)

36. Bagi penempatan produk di luar negara, baru – baru ini 29 SKU produk dari 11 buah koperasi telah dibawa menyertai Expo Pameran Malaysia & Kemboja sempena SUKAN SEA Ke-32 yang diadakan pada 5 hingga 17 Mei 2023 di Phnom Penh, Kemboja. Perbincangan juga sedang diadakan dengan Younes Food Services Co. Ltd yang akan bertindak sebagai hab produk koperasi bagi tujuan pasaran di Kemboja. Pada masa ini kakitangan ANGKASA sedang berada di Expo Produk Koperasi Malaysia-Indonesia 2023 yang sedang berlangsung pada 23-25 Jun 2023 bertempat di Batam Indonesia. Sama – sama kita doakan produk – produk koperasi mendapat pasarannya di luar sana, Insyallah.



**Para Perwakilan yang saya hormati
sekalian**

Koperasi Sokong Harga Rahmah Kerajaan Madani

37. Kerajaan telah memperkenalkan konsep Rahmah untuk membantu rakyat dan ANGKASA serta gerakan koperasi juga ada mekanisasi bagi menjayakan konsep tersebut.
38. Untuk tujuan ini ANGKASA mewujudkan jaringan koperasi di bawah satu jenama dengan objektif penjenamaan, promosi serta menawarkan produk yang lebih murah melalui pembelian bekalan secara pukal. Seperti contoh **COOPFARMASI** iaitu jaringan koperasi yang pada masa ini menjalankan penjualan produk kesihatan yang ada **7 buah di seluruh negara dengan menawarkan 10 peratus potongan untuk ahli biasa, 15 peratus**



untuk anggota koperasi dan 2 peratus *cash back* untuk pembelian seterusnya. Melalui COOPFARMASI ini juga diwujudkan Medical Card atas talian dan aplikasi yang dikenali sebagai MeDKAD untuk memudahkan urusan prekripsi ubatan.

39. Kemudian kita ada juga **COOPHARDWARE** bagi pembekalan barangan di mana ada **13 buah koperasi** yang terlibat dengan **2500 SKU** buat masa ini. Jika dikembangkan lagi kita menyasarkan untuk membantu rakyat khususnya anggota dalam menyediakan perumahan yang lebih mampu milik.
40. Projek Barang Asas 100 atau BA100 kini ada **2568 buah koperasi** yang telah berdaftar. Dengan menggunakan sistem pesanan pukal dalam talian kita dapat tawarkan harga yang lebih kompetitif untuk pengguna. Saya seru untuk semua turut sama kerana kita perlu berperanan lebih



aktif dalam isu – isu membabitkan kesejahteraan rakyat.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Pencapaian dan Program Antarabangsa

41. Keterlihatan dan keterlibatan gerakan koperasi di peringkat global juga diberi penekanan serius oleh ANGKASA. Alhamdulillah semenjak **menjadi ahli International Co-operative Alliance (ICA) semenjak 1972**, pelbagai kesepakatan telah dicapai seperti pembentukan kerjasama strategik, perkongisan kepakaran dan beberapa program antarabangsa turut diadakan di sini melihatkan kepada pencapaian memberangsangkan gerakan koperasi di negara ini.
42. Atas sokongan dan kepercayaan anda semua juga, semua Anggota Lembaga ANGKASA yang Tuan – Tuan dan Puan –



Puan pilih menduduki jawatankuasa di peringkat antarabangsa:

- **Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah**
 - ✓ **Presiden ASEAN Cooperative Organisation (ACO),**
 - ✓ **Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP)**
 - ✓ **Pengerusi, ICA-AP trade & business committee**
 - ✓ **Pengerusi, Malaysian Business Office (MBO)**

- **Dato' Dr. Hj. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik**
 - ✓ **Wakil (Representative) ICA-AP Committee On Human Resources Development (HRD)**

- **Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan**
 - ✓ **Lembaga Pengarah Cooperative Housing International (CHI)**



✓ Wakil (Representative), ICA-AP Committee on Cooperative Research

- Dato' Hj. Kamarudin Ismail
- ✓ Lembaga Pengarah, International Cooperative Alliance (ICA)
- ✓ Naib Presiden, Consumer Cooperative Worldwide (CCW)
- ✓ - Ahli Jawatankuasa Eksekutif International Cooperative Agriculture Organization (ICAO)
- ✓ Wakil, ICA-AP Trade & Business Committee

- Dr. Hj. Mohd Azlan Yahya
- ✓ Pengerusi (Chair) ICA-AP Committee On Cooperative In Educational Institution (ICEI),
- ✓ Naib Pengerusi (Vice Chair) ICA-AP Committee On Consumer Cooperative

- Dato' Hj. Che Mohd Shukree Che Isa



- ✓ Naib Presiden ICA-AP Credit And Banking Committee,
- ✓ Wakil (Representative) International Cooperative Banking Association (ICBA)

43. Suka untuk saya maklumkan pada 27 hingga 30 Julai 2023, Negeri Sabah telah dipilih sebagai hos program *Asia Pacific Cooperative Youth Summit 4.0* atau *APCSY4.0*. Program ini dijangka disertai seramai kira – kira **180 peserta belia** dari rantau Asia Pasifik termasuk dari Malaysia dan akan membawa tema “*Cooperation for Sustainable lifestyle*”.
44. Pada 20 hingga 23 Ogos tahun ini juga, empat penganjuran program antarabangsa akan diadakan secara serentak di Genting Highlands, Pahang. Program tersebut adalah *International Co-operative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP) – ASEAN Co-operative Organization (ACO) Trade and Business Conference, International Co-operative Alliance Asia*



and Pacific Regional Board Meeting, ASEAN Co-operative Organization (ACO) Annual General Meeting dan Trade & Business Meeting.

45. Bagi menggalakkan pertukaran teknologi, perdagangan koperasi dan koperasi, promosi produk koperasi di luar negara ANGKASA menumpukan kepada empat produk yakni produk Halal, Kewangan Islam, Model Koperasi Sekolah dan Model Koperasi Kariah Masjid.

46. Koperasi Kariah Masjid mampu menjadi pusat pengumpulan dan penghasilan produk Halal yang diyakini memandangkan anggotanya majoriti terdiri dari orang Islam itu sendiri. Untuk mengembangkan lagi pasarannya kita cuba bawa model koperasi kariah masjid di luar negara dan Alhamdulillah pada masa ini sebuah koperasi kariah masjid telah kita bantu tubuhkan di Kemboja semenjak 2018 dan usaha sedang



dipergiat bagi menambahkan lagi bilangannya.

47. Begitu juga halnya dengan koperasi sekolah. Malaysia menjadi rujukan negara luar kerana dalam membangunkan model koperasi sekolah dan sehingga kini 14 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 Juta. Setakat ini ANGKASA telah membantu untuk membangunkan **2 buah koperasi sekolah telah di Kemboja pada tahun ini dan 2 buah di Timor Leste pada tahun 2017**
48. ANGKASA juga telah diberikan mandat bagi Penubuhan Kesatuan Koperasi OIC (OICCU) apabila ia telah diusulkan oleh ANGKASA semasa Program Rundingan Meja Bulat ANGKASA 2018 dan telah diangkat ke Persidangan ICA Timur Tengah dan Afrika Utara 2019 dan telah diterima sebagai salah satu usul utamanya.



49. Strategi pelaksanaan OICCU akan dikongsi bersama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan bagi tujuan penyelarasan strategik dan pemerkasaan; Kementerian Luar Negara bagi perhubungan OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam), Kementerian Kewangan (MOF) bagi perhubungan dengan IsDB (Bank Pembangunan Islam) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi perhubungan dengan COMSEC (OIC Subsidiary - *The Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation*).

**Para Perwakilan yang saya hormati
sekalian**

Kongres Koperasi Kebangsaan

50. Bagi memastikan kepentingan gerakan koperasi dapat disuarakan secara kolektif, maka wajarlah saya mengumumkan bahawasanya ANGKASA sebagai badan



puncak gerakan koperasi akan menganjurkan **Kongres Koperasi Kebangsaan** bagi menilai serta mengangkat isu serta cabaran yang mendepani gerakan koperasi bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan berdaya saing seiring dengan perubahan arus landskap ekonomi negara dan antarabangsa.

51. Kongres ini wadah untuk sama – sama kita canaikan halatuju melalui resolusi kongres yang boleh diangkat kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam merangka pengisian Dasar Koperasi Negara selaras dengan halatuju kerajaan dalam membangunkan negara yang mampan melalui koperasi.

52. Bercakap mengenai pembangunan modal insan juga saya ingin mengucapkan



Syabas dan tahniah kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang telah menubuhkan Universiti Keusahwanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang dijangka akan menerima pelajar pertamanya pada Julai 2023 ini. Besarlah harapan kami supaya UKKM menjadi medan memperkasakan agenda keusahwanan koperasi di peringkat institut pengajian tinggi (IPT).

53. Buat rakan – rakan koperasi, saya ingin mencadangkan untuk diwujudkan tabung bagi suntikan modal kepada pembangunan UKKM ini. ANGKASA akan bertindak sebagai pemegang Amanah bagi tabung ini untuk koperasi melabur dalam saham UKKM dan ini adalah salah satu cara untuk kita mempelbagaikan lagi sumber perolehan koperasi.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian



Penutup

54. Antara agenda dalam MAPA kali ini adalah Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Dan Perintah Tetap (PT) Tahun 2023. Cadangan pindaan dan penambahbaikan ini diangkat untuk dibincangkan dalam MAPA bagi melihat semula beberapa isu untuk disesuaikan dan relevan dengan keadaan semasa.
55. Justeru saya menyeru supaya para perwakilan dapat meneliti, menilai dan menyatakan sokongan terhadap pindaan ini bagi **memastikan gerak kerja dapat dijalankan dengan lebih efektif, mengurangkan ketidakstabilan dalam organisasi dan mampu untuk memacu pertumbuhan gerakan koperasi dengan lebih berkesan.**
56. Seperti tahun – tahun sebelumnya MAPA pada kali ini menyaksikan dua (2) jawatan dikosongkan yakni satu per tiga seperti



yang digariskan dalam UUK. Semoga pengundian berjalan dengan lancar dan mereka yang dipilih oleh para perwakilan mampu untuk menggalas tanggungjawab bagi menjayakan agenda pemerkasaan berterusan gerakan koperasi negara.

57. Marilah kita juga berdoa kepada Allah S.W.T supaya memberkati segala usaha yang bakal kita laksanakan untuk memacu pertumbuhan gerakan koperasi dalam menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia yang progresif dan mampan.
58. Selamat bersidang kepada semua warga perwakilan dan semoga Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) ke – 37 ini menjadi pentas kepada pengukuhan hala tuju gerakan koperasi negara yang mampan, berdaya maju, lestari serta inklusif buat rakyat Malaysia.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah



**Wassalamualaikum
Wabarakatuh**

Warahmatullahi